

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### RUU CCUS dibentang di Parlimen November

## RUU CCUS dibentang di Parlimen November

**Kuala Terengganu:** Rang Undang-undang (RUU) Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) akan dibentangkan di Parlimen November depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata penggubalan undang-undang nyahkarbon itu bertujuan mengawal selia aktiviti berkaitan, sekali gus menarik lebih ramai pelabur masuk ke negara ini.

Beliau berkata, CCUS adalah satu daripada projek rintis dalam pelan peralihan tenaga negara dan Terengganu dikenal pasti sebagai antara negeri berpotensi menjadi peneraju industri berkenaan.

"Ini mengambil kira potensi Terengganu yang memang sudah mempunyai telaga-telaga minyak di luar pesisir pantai dan fasiliti terminal sedia ada di Kertih.

"Pada peringkat Kerajaan Persekutuan, kita sedang memuktamadkan RUU itu untuk diben-

tangkan pada November depan dan ia akan melahirkan industri CCUS di Malaysia.

"Keputusan mengenai pelaburan akan dibuat selepas RUU itu dimuktamadkan. Perbincangan dengan pelabur serta pelanggan antarabangsa yang akan menggunakan CCUS, sedang berjalan dan keputusan itu besar kemungkinan akan dimuktamadkan pada 2025," katanya kepada pemberita selepas Sesi Libat Urus Menteri Ekonomi di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Setakat ini, Rafizi berkata, empat negeri membatikan Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak dikenal pasti berpotensi dalam industri berkennaan.

Justeru, beliau berkata, Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan keenam-empat negeri terbabit bagi memastikan ia berjalan dengan baik.

Sementara itu Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ah-



Rafizi (kanan) bersama Ahmad Samsuri pada Sesi Libat Urus Bersama Kerajaan Negeri Terengganu mengenai pelaksanaan inisiatif CCUS di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

mad Samsuri Mokhtar, berkata kerajaan negeri melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sudah mengadakan perbincangan awal dengan PETRONAS

berhubung industri CCUS.

"CCUS adalah isu amat besar dan penting bagi Terengganu supaya ekosistem yang kita buat di negeri ini akan memberi pu-

langan serta hasil kepada Terengganu sendiri dan tentunya penting juga untuk Malaysia pada peringkat antarabangsa," katanya.